

Jumlah hutang kad kredit tidak membimbangkan

um 17/3/07 ms

Oleh AINUL ASNIERA AHSAN

KUALA LUMPUR 16 Mac - Jumlah hutang kad kredit di kalangan pengguna kemudahan kewangan tersebut di Malaysia adalah tidak membimbangkan meskipun jumlah perbelanjaan menggunakan kad kredit meningkat setiap tahun.

Sehingga tahun lalu, jumlah hutang tertunggak pemegang kad kredit bagi keseluruhan institusi perbankan di negara ini hanya RM19.8 bilion atau 3.4 peratus berbanding RM592.7 bilion keseluruhan hutang pinjaman lain.

Perkara tersebut dinyatakan oleh Bank Negara Malaysia (BNM) kepada *Utusan Malaysia* dalam satu kenyataan di sini hari ini.

Selain itu, hampir 60 peratus daripada jumlah urus niaga kad kredit dibayar sepenuhnya oleh pemegang kad kredit pada tahun lalu manakala bakinya dibawa ke hadapan, tambah kenyataan itu.

"Angka-angka ini menunjukkan sejumlah besar pengguna kad kredit di negara ini telah menggunakan kad tersebut sebagai instrumen pembayaran elektronik dan bukannya sebagai sumber kredit (pinjaman)," katanya.

Kenyataan BNM itu dikeluarkan sebagai mengulas laporan *Utusan Malaysia* hari ini yang memetik Ketua Pegawai Eksekutif Agensi Kaunseling dan Pengurusan Kredit (AKPK), Mohamed Akwal Sultan sebagai berkata, perangkaan Bank Negara Malaysia (BNM) menunjukkan terdapat peningkatan tunggakan hutang kad kredit sebanyak RM1.3 bilion dalam tempoh tiga bulan terakhir 2006 dari RM18.6 bilion pada Oktober tahun yang sama.

Daripada keseluruhan jumlah pinjaman

tertunggak kad kredit itu, sebanyak RM700 juta dikategorikan sebagai pinjaman tidak dibayar (NPL) dengan 13,596 pemegang kad kredit telah dikenakan tindakan muflis sepanjang tahun lalu.

Kenyataan bank Pusat itu menjelaskan bahawa kadar pinjaman tidak dibayar (NPL) kad kredit setakat ini juga terkawal dan menurun kepada 3.7 peratus pada tahun 2006 berbanding 4.3 peratus pada tahun sebelumnya.

Mengenai kadar muflis akibat penggunaan kad kredit, BNM berkata, ia berada pada tahap rendah berbanding akibat hutang pinjaman lain.

"Kadar purata muflis disebabkan penggunaan kad kredit dalam tempoh lima tahun lalu hanyalah 9.7 peratus daripada jumlah keseluruhan individu yang diisytiharkan muflis di negara ini.

"Bilangan individu yang muflis disebabkan hutang kad kredit pula hanya 0.07 peratus (1,656 individu) daripada jumlah keseluruhan pemegang kad kredit utama yang berjumlah 2.5 juta pada tahun 2006," menurut BNM.

Bank Pusat itu turut menjelaskan bahawa pemberian kad kredit tidak dibuat dengan sewenang-wenangnya seperti yang didakwa oleh sesetengah pihak.

Sebaliknya, tegas BNM, para pemohon kad kredit mesti memenuhi pelbagai syarat yang ditetapkan oleh BNM kepada institusi kewangan dan bank berhubung permohonan kad tersebut termasuk pemohon harus mempunyai kedudukan kewangan yang memuaskan.

Menurut BNM, syarat-syarat yang perlu dipatuhi oleh institusi pengeluar kad kredit seperti yang terkandung dalam Garis Panduan Kad Kredit termasuk:

Sehingga tahun lalu, jumlah hutang tertunggak pemegang kad kredit bagi keseluruhan institusi perbankan di negara ini hanya RM19.8 bilion atau 3.4 peratus berbanding RM592.7 bilion keseluruhan hutang pinjaman lain

**KENYATAAN
BANK
NEGARA
MALAYSIA**

- Kad kredit hanya boleh dikeluarkan kepada pemohon yang berumur sekurang-kurangnya 21 tahun dan berpendapatan minimum sebanyak RM18,000 setahun;

- Pengeluar kad kredit dikehendaki membuat rujukan kepada Sistem Maklumat Pusat Rujukan Kredit (CCRIS), iaitu sistem yang mempunyai maklumat kredit peminjam yang komprehensif, di samping maklumat kedudukan kredit pemohon daripada sumber yang lain semasa memproses sebarang permohonan kad kredit untuk menilai kedudukan kewangan si pemohon; dan

- Pengeluar kad kredit dikehendaki memberi amaran kepada pengguna mengenai akibat sekiranya pengguna hanya membayar amaun minimum bulanan, dari segi tempoh untuk menyelesaikan hutang dan jumlah faedah yang dikenakan ke atas hutang tersebut.

BNM berkata, di samping garis panduan yang dikeluarkan itu, bank pusat tersebut juga melakukan pemeriksaan berkala ke atas pengeluar kad kredit bagi memastikan institusi-institusi pengeluar kad kredit sentiasa mematuhi garis panduan yang ditetapkan.

Langkah itu dibuat untuk memastikan proses penilaian dan pemberian pinjaman

kad kredit oleh institusi perbankan dan kewangan berkenaan dijalankan secara berhemat, tambah kenyataan itu.

Pada tahun lalu, institusi-institusi kewangan hanya meluluskan 2.5 juta permohonan atau 48 peratus daripada jumlah keseluruhan permohonan kad kredit.

"Kadar itu adalah rendah dan membuktikan pengeluaran kad kredit tidak dilakukan sewenang-wenangnya seperti yang didakwa oleh pihak-pihak tertentu," katanya.

Bank Pusat itu berkata, ia sentiasa menggalakkan penggunaan kad kredit sebagai kaedah pembayaran secara elektronik dan bukannya sebagai sumber kredit yang mudah.

Menurut kenyataan itu, BNM perlu menghalusi sebarang cadangan untuk mengetatkan syarat-syarat yang ada bagi menggalakkan orang ramai menggunakan kemudahan pembayaran secara elektronik kerana ia selamat selain dapat menikmati kemudahan sampingan yang disediakan oleh pengeluar kad kredit.

BNM menegaskan, bank pusat itu sentiasa memantau perkembangan kemudahan kad kredit di negara ini bagi memastikan penggunaannya dilaksanakan secara berhemat dan tidak menjerus kepada berlakunya masalah pemilik kad menghadapi hutang berlebihan dan muflis.